



CAMBRIDGE  
International Education

# Cambridge IGCSE™

---

**MALAY**

**0546/13**

Paper 1 Listening

**May/June 2024**

TRANSCRIPT

**Approximately 50 minutes (including 6 minutes' transfer time)**

---

---

This document has **12** pages. Any blank pages are indicated.

E Cambridge Assessment International Education, June 2024 examination in Malay. Paper 1, Listening, for Cambridge IGCSE.

**M1 Soalan-soalan 1 hingga 8**

**M1** Anda akan mendengar beberapa rakaman ringkas.

**M1** Anda akan mendengar setiap rakaman sebanyak dua kali.

**M1** Bagi setiap soalan, tanda dalam kotak jawapan yang betul **A**, **B**, **C** atau **D**.

(*Pause 3 seconds.*)

**M1** Anda dan kawan anda, Murni, adalah ahli persatuan sukan.

**M1 Soalan 1**

**M1** Anda mahu tahu ada sukan apa pada hari Isnin. Murni berkata:

**F1** \* Pada hari Isnin ada permainan hoki.

**M1** Ada sukan apa pada hari Isnin? \*\*

(*Pause 10 seconds. Repeat from \* to \*\*. Pause 5 seconds.*)

**M1 Soalan 2**

**M1** Anda suka berenang. Murni berkata:

**F1** \* Awak perlu beli baju mandi.

**M1** Apa yang anda perlu beli? \*\*

(*Pause 10 seconds. Repeat from \* to \*\*. Pause 5 seconds.*)

**M1 Soalan 3**

**M1** Murni ingin bermain sukan petang ini. Murni berkata:

**F1** \* Mari kita bermain badminton petang ini?

**M1** Murni ingin bermain sukan apa? \*\*

(*Pause 10 seconds. Repeat from \* to \*\*. Pause 5 seconds.*)

**M1 Soalan 4**

**M1** Anda mahu tahu pada pukul berapa aktiviti gimnastik akan diadakan.  
Murni berkata:

**F1** \* Aktiviti gimnastik diadakan pada pukul 6 petang.

**M1** Bilakah aktiviti gimnastik akan diadakan? \*\*

(*Pause 10 seconds. Repeat from \* to \*\*. Pause 5 seconds.*)

**M1 Soalan 5**

**M1** Anda mahu bermain bola sepak. Murni berkata:

**F1** \* Awak perlu sepasang kasut but yang baharu.

**M1** Apakah yang anda perlu? \*\*

(*Pause 10 seconds. Repeat from \* to \*\*. Pause 5 seconds.*)

**M1 Soalan 6**

**M1** Anda sentiasa dahaga. Murni berkata:

**F1** \* Awak mesti bawa sebotol air setiap masa.

**M1** Anda mesti membawa ... \*\*

(*Pause 10 seconds. Repeat from \* to \*\*. Pause 5 seconds.*)

**M1 Soalan 7**

**M1** Selepas berlari, anda letih. Murni berkata:

**F1** \* Mari kita duduk?

**M1** Apakah mereka mesti buat? \*\*

(*Pause 10 seconds. Repeat from \* to \*\*. Pause 5 seconds.*)

**M1 Soalan 8**

**M1** Keesokan harinya, Murni berasa sakit. Murni berkata:

**F1** \* Aduh! Lutut saya sakit!

**M1** Murni sakit apa? \*\*

(*Pause 10 seconds. Repeat from \* to \*\*. Pause 5 seconds.*)

**M1 Soalan-soalan 9 hingga 14**

**M1** Anda akan mendengar satu pengumuman tentang persiapan untuk Hari Mencari Bakat. Anda akan mendengar pengumuman ini sebanyak dua kali.

**M1** Pengumuman akan dihentikan seketika.

**M1** Bagi setiap soalan, tanda dalam kotak yang betul **A**, **B**, **C** atau **D**.

**M1** Sekarang anda ada beberapa saat untuk membaca soalan-soalan berikut.

(Pause 30 seconds.)

**F1** \* Selamat pagi. Sekolah kita akan mengadakan Hari Mencari Bakat. Kalau kamu ingin menyertai pertandingan ini, sila isi borang sebelum 9 Julai.

**F1** Ada beberapa kategori bakat termasuk nyanyian, lakonan dan bermain muzik. Semua yang ingin menyanyi sila masuk ke Dewan Melur dan untuk yang mahu berlakon, pergi ke Dewan Anggerik.

**F1** Apabila kamu dipilih untuk menyertai pertandingan ini, kamu boleh datang berlatih di bilik-bilik yang disediakan. Kamu hanya boleh menggunakan bilik ini selama dua jam sahaja.

(Pause 5 seconds.)

**F1** Bagi mereka yang mahu meminjam alat muzik dari sekolah untuk berlatih, kamu mestilah simpan semua alat muzik di dalam almari yang disediakan. Kamu tidak boleh membawa alat-alat ini pulang.

**F1** Bagi mereka yang minat berlakon, ada stor pakaian untuk berlakon di perpustakaan. Kamu boleh menggunakan untuk tujuan pertandingan ini dan kemudian simpan semula. Gunalah pakaian-pakaian ini dengan cermat.

**F1** Semua pemenang akan mendapat hadiah wang tunai. \*\*

(Pause 10 seconds.)

**M1** Sekarang anda akan mendengar pengumuman ini untuk kali kedua.

(Repeat from \* to \*\* then pause 10 seconds.)

**M1 Soalan-soalan 15 hingga 19**

**M1** Anda akan mendengar dialog antara Nisa dengan Khairul tentang sekolah-sekolah untuk Khairul dan adiknya di tempat baru.

**M1** Anda akan mendengar dialog ini sebanyak dua kali.

**M1** Untuk soalan-soalan 15 hingga 19, padangkan nama sekolah dengan kenyataan yang betul **A**, **B**, **C**, **D**, **E** atau **F**. Bagi setiap sekolah, tulis huruf yang betul **A** hingga **F** di atas garis jawapan.

**M1** Anda mempunyai beberapa saat untuk membaca maklumat.

(Pause 30 seconds.)

**M1** \* Helo Nisa. Kami sekeluarga akan berpindah ke bandar Tunku Ampuan. Saya sedang mencari-cari sekolah yang sesuai untuk saya.

**F1** Saya dengar Sekolah Tunku Ampuan, di pusat bandar sangat bagus sebab setiap tahun para pelajar mendapat keputusan yang sangat baik. Guru-guru juga sangat berkelayakan.

**M1** Saya juga dengar begitu. Bagaimana pula dengan Sekolah Menengah Tuk Perak? Ramai kawan abang saya belajar di sana.

**F1** Ya sekolah ini ada reputasi yang bagus. Jika kamu mahu memasuki aliran Sains, saya dengar mereka mempunyai makmal yang sangat canggih dan hebat. Ada beberapa pakar perubatan yang pernah belajar di situ.

**M1** Apa pendapat kamu tentang Sekolah Seri Aman? Adik saya berminat untuk belajar di sana.

**F1** Saya tahu adik kamu minat membuat hasil seni dengan menggunakan bahan-bahan asli. Untuk pelajar yang mahir dalam bidang seni terutamanya ukiran dan lukisan, sekolah ini memang sesuai untuk mereka.

**M1** Kami juga sedang mencari maklumat tentang Sekolah Nilam Puri. Kamu tahu tentang sekolah ini?

**F1** Menurut lelaman web Sekolah Nilam Puri, yurannya tidaklah tinggi. Sekolah ini ada banyak kemudahan seperti kolam renang dan padang bola. Ia juga menyediakan program seperti perkhemahan, mendaki gunung, menunggang kuda dan sebagainya.

**M1** Saya dengar ramai diplomat menghantar anak mereka ke Sekolah Antarabangsa Puspasari.

**F1** Kawan-kawan bapa saya menghantar anak-anak mereka untuk belajar di sana. Sekolah Antarabangsa Puspasari merupakan sekolah yang moden dengan kemudahan teknologi terkini di dalam kelas. Ia juga mempunyai ramai tenaga pengajar dari luar negara. \*\*

(Pause 10 seconds.)

**M1** Sekarang anda akan mendengar dialog ini untuk kali kedua.

(Repeat from \* to \*\* then pause 10 seconds.)

**M1 Soalan-soalan 20 hingga 28**

**M1** Anda akan mendengar satu temubual antara Yasin dengan Suri, seorang usahawan muda. Temubual ini terdapat dalam dua bahagian.

**M1** Rakaman dihentikan sekejap selepas bahagian pertama sebelum bahagian kedua dimulakan.

**M1 Bahagian 1: Soalan-soalan 20 hingga 24**

**M1** Anda akan mendengar bahagian pertama temubual ini sebanyak dua kali. Bagi setiap soalan, tanda dalam kotak yang betul **A**, **B** atau **C**.

**M1** Sekarang anda ada beberapa saat untuk membaca **soalan-soalan 20 hingga 24**.

(Pause 30 seconds.)

**M1** \* Helo Suri. Bagaimanakah Suri mula menceburi dalam bidang keusahawanan?

**F1** Helo. Selepas sekolah tinggi, saya tidak pergi ke universiti kerana keluarga saya tidak mampu untuk membayar yuran pengajian. Oleh itu, saya membuat keputusan untuk menolong ibu saya dengan perniagaannya di rumah.

**M1** Suri tidak kesal tidak pergi ke universiti?

**F1** Saya tidak menyesali pilihan saya. Ibu menjadi tanggungjawab saya selepas bapa meninggal dunia. Saya rasa bangga dapat membantu ibu yang secara tidak langsung mengajar saya bermula.

**M1** Apakah yang Suri buat?

**F1** Ibu masak dan menjual makanan di pasar. Kami memerlukan lebih banyak pelanggan, jadi saya telah membuat keputusan untuk menghantar makanan kepada pelanggan yang terlalu sibuk untuk masak.

**M1** Selepas itu?

**F1** Saya memuat naik menu di Instagram. Hasilnya, kami mendapat pesanan yang semakin banyak. Oleh sebab kami tidak ada kereta, saya meminta adik saya menghantar pesanan dengan motorsikalnya. Dia pun menjadi lebih sibuk!

**M1** Suri ada latar belakang perniagaan?

**F1** Saya membesar melihat ibu bapa saya bermula. Kalau ibu tidak masak, dia menjahit baju. Tahun lepas, saya mendalamai cara mengembangkan perniagaan dalam talian, khususnya tentang pemasaran. \*\*

(Pause 15 seconds.)

**M1** Sekarang anda akan mendengar bahagian pertama temubual ini untuk kali kedua.

(Repeat from \* to \*\* then pause 15 seconds.)

**M1 Bahagian 2: Soalan-soalan 25 hingga 28**

**M1** Sekarang anda akan mendengar bahagian kedua perbualan dengan Suri sebanyak dua kali. Bagi setiap soalan, tanda dalam kotak yang betul **A**, **B** atau **C**.

**M1** Sekarang anda ada beberapa saat untuk membaca **soalan-soalan 25 hingga 28**.

(*Pause 30 seconds.*)

**M1** \*\*\* Bagaimanakah perniagaan anda sekarang?

**F1** Kami memulakan perniagaan kami dengan pelanggan-pelanggan yang tinggal berdekatan rumah kami. Sekarang, kami mendapat banyak tempahan tetap daripada syarikat-syarikat di bandar dan kini mereka merupakan pelanggan utama kami.

**M1** Jadi, apakah yang berlaku seterusnya?

**F1** Sekarang kami juga ada sebuah syarikat yang menyediakan makanan untuk majlis-majlis seperti kenduri kahwin dan hari jadi. Kami sangat sibuk dan pelanggan terpaksa membuat tempahan dua atau tiga bulan sebelum majlis diadakan. Kami akan menolak tempahan yang lambat.

**M1** Sudah tentunya Suri tidak berhenti di situ sahaja?

**F1** Saya telah dijemput oleh sebuah kolej tempatan untuk berkongsi pengalaman saya memulakan perniagaan di rumah. Walaupun saya bukan seorang guru, saya pergi ke kolej untuk bercakap dengan para pelajar di situ.

**M1** Apakah rancangan Suri untuk masa depan?

**F1** Saya mahu ibu bersara sebab dia sudah lama bekerja keras. Dia sedang melatih orang masak dan bimbing mereka untuk meneruskan legasinya. Saya akan pastikan dia menikmati sisa-sisa hidupnya.

**M1** Terima kasih. \*\*\*\*

(*Pause 15 seconds.*)

**M1** Sekarang anda akan mendengar bahagian kedua perbualan ini untuk kali kedua.

(*Repeat from \*\*\* to \*\*\*\* then pause 15 seconds.*)

**M1 Soalan-soalan 29 hingga 34**

**M1** Anda akan mendengar temubual radio dengan Fazil tentang pengalamannya sebagai pembantu seorang pelakon terkenal. Anda akan mendengar temubual ini sebanyak dua kali.

**M1** Ada tempat berhenti semasa temubual.

**M1** Bagi setiap soalan, tanda dalam kotak yang betul **A**, **B**, **C** atau **D**.

**M1** Sekarang anda ada beberapa saat untuk membaca soalan-soalan berikut.

(*Pause 1 minute.*)

**F1** \* Helo Fazil. Bagaimana anda menjadi pembantu M Rizal? Dia sangat terkenal!

**M1** Helo. Saya berada di sebuah majlis makan di rumah bapa saudara saya. Dan secara kebetulan, pelakon ini yang merupakan kawan baik bapa saudara saya, juga ada di situ. Saya terdengar perbualan mereka – dia perlukan seseorang untuk membantunya. Inilah pertama kali saya bercakap dengannya dan di situ lah segalanya bermula.

**F1** Sebelum ini, Fazil sudah tahu tentang dirinya?

**M1** Oh ya. Sudah tentu, sebab saya memang peminat setia dia. Saya tahu dia berasal dari mana dan apa pekerjaannya sebelum dia mencebur dalam bidang lakonan. Dia seorang guru sekolah sama-sama dengan bapa saudara saya. Sudah banyak kali saya nampak dia di rumah bapa saudara saya. Tetapi masa itu tidak ada kesempatan untuk bercakap.

**F1** Anda sungguh bernasib baik.

**M1** Pada masa itu saya sedang mencari pekerjaan. Saya memerlukan wang dan saya memberanikan diri untuk menawarkan diri saya sebagai pembantunya. Saya tahu dia memerlukan seseorang untuk mengendalikan media sosialnya dan cara penampilannya. Saya juga menguruskan jadual dan temu janji dia yang sangat banyak. Dia seorang pelakon yang sangat diminati dan sibuk. Saya seronok bekerja dengannya.

(*Pause 15 seconds.*)

**F1** Apakah yang Fazil telah pelajari sejak bekerja dengan dia?

**M1** Saya belajar menguruskan masa dan bersikap profesional. Oleh kerana M Rizal sentiasa sibuk, dia tidak boleh membuang masa di sesuatu tempat. Peranan utama saya ialah untuk menguruskan jadualnya. Saya mesti memperingati dia tentang temu janji seterusnya. Apabila terdapat peminat-peminat yang mungkin tidak terkawal, saya perlu bertegas untuk mengejar masa.

**F1** Anda sungguh berdedikasi dalam menjalankan tugas-tugas anda.

**M1** Tentu sekali. Itu tugas saya. Saya memandang berat tanggungjawab yang diberi kepada saya. Saya seorang yang setia dan saya sangat menghormatinya. Saya tidak akan membiarkan warganet memutar belit tentang kehidupan peribadinya. Itu tugas saya untuk memperbetulkan berita-berita palsu mengenainya.

**F1** Adakah laporan tentang pertelingkahan dengan dia yang menyebabkan Fazil berhenti kerja itu betul?

**M1** Oh tidak. Jangan percaya apa yang anda baca dalam talian. M Rizal faham saya bekerja sementara menunggu masa untuk melanjutkan pelajaran di universiti. Saya bekerja selama setahun sahaja, tetapi banyak yang memanfaatkan saya. M Rizal tidak lokek dengan ilmunya, malah memberi sumbangan wang untuk membantu saya. Saya sungguh terharu.

**F1** Terima kasih, Fazil. \*\*

(Pause 15 seconds.)

**M1** Sekarang anda akan mendengar temubual ini untuk kali kedua.

(Repeat from \* to \*\* then pause 15 seconds.)

**M1 Soalan-soalan 35 hingga 37**

**M1** Anda akan mendengar dialog dengan Anne, seorang penulis bangsa Inggeris. Anda akan mendengar dialog ini sebanyak dua kali.

**M1** Ada dua tempat berhenti semasa dialog ini.

**M1** Bagi setiap soalan, tanda dalam **dua** kotak yang betul **A, B, C, D** atau **E**.

**M1** Sekarang anda ada beberapa saat untuk membaca kenyataan-kenyataan berikut.

(*Pause 45 seconds.*)

**M1** \* Anda baru terbitkan buku tentang pengalaman di Malaya sebelum merdeka. Boleh terangkan?

**F1** Saya dilahirkan di Malaya sebelum perang dunia kedua. Bapa saya bekerja di ladang getah dan kami semua dibesarkan bercakap bahasa Melayu.

**M1** Dan Anne masih ingat!

**F1** Tentu sekali saya ingat sebab saya ada ramai kawan Melayu. Sebelum perang tercetus, semua kanak-kanak dan kaum wanita dihantar ke England yang lebih selamat, dengan kapal. Saya berumur empat tahun dan tidak begitu faham tentang apa yang berlaku.

**M1** Menakutkan?

**F1** Ya. Selepas itu, kami pulang ke Perak apabila saya berumur 12 tahun. Bapa masih bekerja sebagai pengurus estet. Pada masa itu saya lebih dewasa.

**M1** Dan Anne mula menulis?

**F1** Saya menulis dalam buku catatan tentang kehidupan selepas perang. Ada ramai orang yang susah.

(*Pause 20 seconds.*)

**M1** Apa lagi yang terkandung dalam buku Anne?

**F1** Saya terjumpa jurnal yang ditulis oleh ibu dan bapa saya tentang kehidupan mereka di sana. Inilah yang membantu saya ingat tentang masa saya di sana.

**M1** Bagaimanakah Anne masih boleh bertutur dalam bahasa Melayu?

**F1** Semasa saya di universiti di London, ada pusat pengajian Melayu. Saya belajar dan selalu membaca akhbar Melayu.

**M1** Dan...

**F1** Semasa saya sampai di sini minggu lepas, saya terus mencari nasi goreng dan roti canai yang saya suka.

**M1** Dan buku Anne dijual di sini?

**F1** Buku saya dicetak di London dan boleh didapati di sini. Anda juga boleh membeli versi dalam talian. Saya sedang usahakan terjemahan.

(Pause 20 seconds.)

**M1** Siapakah yang Anne harap akan membaca buku Anne?

**F1** Buku saya ada unsur sejarah yang boleh memanfaatkan golongan muda. Pembaca boleh tahu tentang kehidupan di estet-estet sebelum dan selepas perang.

**M1** Mungkin boleh dijadikan buku sekolah?

**F1** Boleh sebab ia juga sumber pengetahuan am yang orang negara ini harus tahu. Saya menulis dari kaca mata seorang luar yang membesar di sini sebagai remaja.

**M1** Berapa lamakah Anne menulis buku ini?

**F1** Lama juga sebab saya sentiasa membuat semakan faktor sejarah. Saya juga bercakap dengan golongan sebaya saya yang melalui pengalaman sama.

**M1** Menarik!

**F1** Ya, memang menarik. Ibu bapa mereka juga menulis jurnal yang sangat berharga bagi penulisan buku saya.

**M1** Hebat! Terima kasih. \*\*

(Pause 45 seconds.)

**M1** Sekarang anda akan mendengar dialog ini untuk kali kedua

(Repeat from \* to \*\* then pause 45 seconds.)

**M1** Sekarang anda diberi masa selama enam minit untuk menulis jawapan anda ke atas kertas jawapan berasingan. Ikut arahan yang terdapat di atas kertas tersebut.

**E** There will now be six minutes for you to copy your answers onto the separate answer sheet. Follow the instructions on the answer sheet.

(Pause 6 minutes)

**M1** Ujian tamat.

**E** This is the end of the examination.

**BLANK PAGE**

---

Permission to reproduce items where third-party owned material protected by copyright is included has been sought and cleared where possible. Every reasonable effort has been made by the publisher (Cambridge University Press & Assessment) to trace copyright holders, but if any items requiring clearance have unwittingly been included, the publisher will be pleased to make amends at the earliest possible opportunity.

To avoid the issue of disclosure of answer-related information to candidates, all copyright acknowledgements are reproduced online in the Cambridge International Education Copyright Acknowledgements Booklet. This is produced for each series of examinations and is freely available to download at [www.cambridgeinternational.org](http://www.cambridgeinternational.org) after the live examination series.

Cambridge International Education is the name of our awarding body and a part of Cambridge University Press & Assessment, which is a department of the University of Cambridge.